



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

MANFAAT RANGKUMAN KEWANGAN TERHADAP
PRESTASI PERNIAGAAN MIKRO
DI TERENGGANU

NUR AIMI BINTI SULAIMAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 18.....(hari bulan).....11..... (bulan) 2019...

i. Perakuan pelajar :

Saya, MUR AIMI BINTI SULAIMAN, M20152001112, FPE (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk MANFAAT RANGKUMAN KEWANGAN TERHADAP PRESTASI PERNIAGAAN MIKRO DI TERENGGANYU

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, MOHD ABDULLAH BIN JUSOH (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk MANFAAT RANGKUMAN KEWANGAN TERHADAP PRESTASI PERNIAGAAN MIKRO DI TERENGGANYU

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PERAKAUNAN (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

18/11/19

Tarikh

Tandatangan Penyelia



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اوپريسي قنديدين سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title: MANPAAT RANGKUMAN KEWANGAN TERHADAP
PRESTASI PERNIAGAAN MIKRO DI TERENGGANU

No. Matrik / Matric No.: _____

Saya / I : _____

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) from the categories below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

[Signature]

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 18/11/2019

[Signature]

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Copi Rasmi / Name & Official Stamp)
Profesor Madya Dr Mohd Abdullah Hj Jusoh
Pusat Pengkaji dan Penyelidikan Ekonomi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim Perak

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya, tesis ini telah berjaya disiapkan. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih dirakamkan kepada Prof Madya Dr Mohd Abdullah bin Jusoh, selaku penyelia saya atas segala nasihat, dorongan, bantuan dan keprihatinan semasa menyempurnakan tesis ini. Bimbingan, pandangan dan tunjuk ajar yang dihulurkan oleh penyelia saya banyak membantu kepada kejayaan tesis ini. Saya amat menghargai kesabaran Prof Madya Dr Mohd Abdullah bin Jusoh yang sedia berkongsi maklumat dan kepakaran, senang dihubungi dan cepat dalam tindakan semasa sesi penyeliaan sepanjang pengajian ini. Jutaan kalungan kasih saya ingin rakamkan kepada suami tercinta, Muhd Azim bin Azlan di atas segala pengorbanan, dorongan dan kesabaran beliau mengiringi saya mengharungi segala cabaran sepanjang tempoh pengajian. Tidak lupa, saya ingin merakamkan lestari budi kasih yang tidak terhingga kepada kedua ibu bapa saya dan ahli keluarga saya yang telah memberi galakan dan dorongan sepanjang kajian ini dijalankan. Begitu juga sekalung penghargaan kepada rakan-rakan seperjuangan saya yang sentiasa menemani dan menghulurkan bantuan, motivasi serta berjuang bersama-sama saya untuk mengharungi cabaran-cabaran sepanjang pengajian ini. Terima kasih juga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam membantu saya menyiapkan tesis ini.





ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti manfaat rangkuman kewangan terhadap prestasi perniagaan mikro (pulangan jualan dan pulangan modal) di negeri Terengganu. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan melibatkan seramai 350 orang responden yang mewakili pertubuhan perniagaan mikro di sekitar negeri Terengganu. Sampel diambil berdasarkan kaedah persampelan rawak mudah dan data diperolehi melalui edaran soal selidik. Kaedah analisis korelasi Pearson digunakan untuk menguji hubungan di antara manfaat rangkuman kewangan (penggunaan akaun simpanan, penggunaan kemudahan kredit) dengan prestasi perniagaan mikro. Manakala, kaedah analisis regresi linear sederhana digunakan bagi menguji pengaruh manfaat rangkuman kewangan (akses kemudahan kewangan, penggunaan akaun simpanan dan penggunaan kemudahan kredit) dengan prestasi perniagaan mikro. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan di antara penggunaan akaun simpanan dengan prestasi perniagaan mikro (pulangan jualan $r=0.308$, $p=0.000$; pulangan modal $r=0.143$, $p=0.007$). Dapatan kajian kedua juga menunjukkan hubungan di antara penggunaan kemudahan kredit dengan prestasi perniagaan mikro (pulangan jualan $r=0.426$, $p=0.000$; pulangan modal $r=0.255$, $p=0.000$). Seterusnya, dapatan analisis regresi linear sederhana menunjukkan tidak terdapat pengaruh yang signifikan antara dimensi rangkuman kewangan dengan prestasi perniagaan mikro. Kesimpulannya, kajian ini mendapati bahawa terdapat faktor-faktor lain yang mempengaruhi prestasi perniagaan mikro selain daripada dimensi rangkuman kewangan. Kajian ini juga membuktikan bahawa responden lebih memilih peningkatan prestasi jangka masa pendek kerana mereka mendapatkan pulangan jualan tanpa mengambil kira pulangan modal yang merupakan peningkatan prestasi jangka masa panjang. Implikasinya, responden mempunyai risiko perniagaan yang tinggi dalam usaha meningkatkan prestasi perniagaan kerana dalam hal ini, kemudahan kewangan dalam bentuk kredit lebih diberikan keutamaan berbanding penggunaan akaun simpanan. Oleh itu, kajian lanjut yang lebih terperinci terhadap faktor-faktor lain dalam mengukur manfaat rangkuman kewangan dan prestasi perniagaan mikro perlu dipertimbangkan sewajarnya.





FINANCIAL INCLUSION BENEFITS ON THE PERFORMANCE OF MICRO BUSINESSES IN TERENGGANU

ABSTRACT

This study aimed at identifying financial inclusion benefits on the performance of micro businesses in the state of Terengganu. A quantitative research design was adapted for this study. This study involved a total of 350 respondents representing micro business organizations around the state of Terengganu. Sample were selected through simple random sampling method and the data obtained through questionnaire distribution. Pearson correlation analysis method was used to test the relationship between the financial inclusion benefits (use of savings account, use of credit facility) on the performance of micro businesses. Meanwhile, a simple linear regression analysis method was used to test the influence of financial inclusion benefits (access to financial facilities, use of savings account, use of credit facility) with micro business performance. The finding showed that there was a relationship between the use of savings account and micro business performance (sales return $r=0.308$, $p=0.000$; return on capital $r=0.143$, $p=0.007$). The next finding showed that there was a relationship between the use of credit facilities with micro business performance (sales return $r=0.426$, $p=0.000$; return on $r=0.255$, $p=0.000$). Furthermore, the findings of the simple linear regression analysis showed that there was no significant influence between the dimensions of financial inclusion and the performance of micro business. In conclusion, this study finds that there were other factors driving the performance of micro businesses apart from financial inclusion dimensions. This suggested that respondents preferred performance improvements in the short term as they were happy with sales return instead of return on capital which was a performance improvement in the long term. As an implication, respondents were at high risks as they preferred financial facilities in the form of credits as opposed to the use of savings account when it came to improve their business performance. Hence, more detailed study of other factors in measuring the financial inclusion benefits and micro business performance should be considered accordingly.



**KANDUNGAN****Muka****Surat**

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Penyataan Masalah	7
1.4 Objektif Kajian	9
1.5 Persoalan Kajian	10
1.6 Hipotesis	11
1.7 Kerangka Konseptual	11
1.8 Kepentingan Kajian	14
1.9 Definisi Operasi	15



1.9.1	Rangkuman Kewangan	15
1.9.2	Akses Terhadap Perkhidmatan Kewangan	16
1.9.3	Penggunaan Perkhidmatan Kewangan	17
1.9.4	Halangan Dalam Mendapatkan Perkhidmatan Kewangan	17
1.9.5	Prestasi Perniagaan Mikro	18
1.9.6	Manfaat Rangkuman Kewangan	19
1.9.7	Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)	19
1.10	Batasan Kajian	21
1.11	Kesimpulan	22

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	23
2.2	Rangkuman Kewangan	24
2.2.1	Akses Rangkuman Kewangan dan Prestasi Perniagaan Mikro	29
2.2.2	Halangan Rangkuman Kewangan dan Prestasi Perniagaan Mikro	32
2.2.3	Penggunaan Akaun Simpanan dan Prestasi Perniagaan Mikro	34
2.2.4	Penggunaan Kemudahan Kredit dan Prestasi Perniagaan Mikro	36
2.3	Pengaruh Rangkuman Kewangan Terhadap Prestasi Perniagaan Mikro	38
2.4	Teori Kerangka Kajian	40
2.4.1	Teori Berasaskan Sumber (RBV)	40
2.5	Kesimpulan	47

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	48
3.2	Reka Bentuk Kajian	49
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	51

3.3.1	Populasi	51
3.3.2	Sampel Kajian	52
3.4	Instrumen Kajian	54
3.4.1	Pembangunan Instrumen	54
3.4.2	Kesahan Instrumen	56
3.5	Kaedah Pengumpulan Data	58
3.6	Kajian Rintis	58
3.7	Kaedah Penganalisisan Data	60
3.7.1	Statistik Deskriptif	60
3.7.2	Statistik Inferensi	61
3.7.2.1	Korelasi	62
3.7.2.2	Analisis Regresi Linear Sederhana	63
3.8	Kesimpulan	64

4.1	Pengenalan	65
4.2	Analisis Deskriptif	66
4.2.1	Demografi Responden	66
4.2.2	Kemudahan Akses Rangkuman Kewangan dalam Kalangan Usahawan Mikro	72
4.2.3	Manfaat Rangkuman Kewangan Terhadap Prestasi Perniagaan Mikro	74
4.2.4	Halangan Rangkuman Kewangan Terhadap Prestasi Perniagaan Mikro	76
4.3	Ujian Normaliti	78
4.3.1	Ujian Normal Q-Q Plot	78
4.3.2	Ujian “Skewness” dan Ujian “Kurtosis”	83
4.4	Analisis Inferensi	84
4.4.1	Hubungan Penggunaan Rangkuman Kewangan Terhadap Prestasi Perniagaan Mikro	84

4.4.2 Analisis Regresi Linear Sederhana	87
4.4.2.1 Pengaruh Dimensi Rangkuman Kewangan (Akses, Penggunaan Akaun Simpanan dan Penggunaan Kemudahan Kredit) Terhadap Pulangan Jualan	88
4.4.4.2 Pengaruh Dimensi Rangkuman Kewangan (Akses, Penggunaan Akaun Simpanan, Penggunaan dan Kemudahan Kredit) Terhadap Pulangan Modal	91
4.5 Rumusan Pengujian Hipotesis	93
4.6 Rumusan	94
BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.1 Pengenalan	95
5.2 Perbincangan Penemuan Kajian	96
5.2.1 Maklumat Demografi Responden	96
5.2.2 Akses Rangkuman Kewangan Terhadap Prestasi Perniagaan Mikro	98
5.2.3 Penggunaan Akaun Simpanan Terhadap Prestasi Perniagaan Mikro	100
5.2.4 Penggunaan Kemudahan Kredit Terhadap Prestasi Perniagaan Mikro	102
5.2.5 Pengaruh Rangkuman Kewangan Terhadap Prestasi Perniagaan Mikro	103
5.2.6 Halangan Rangkuman Kewangan dan Prestasi Perniagaan Mikro	106
5.3 Cadangan Kajian	108
5.3.1 Cadangan Kepada Organisasi	108
5.3.2 Cadangan Kajian Penyelidikan	109
5.4 Kesimpulan	110
RUJUKAN	111
LAMPIRAN	

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Definisi PKS Berdasarkan Saiz Operasi	20
2.1	Penunjuk Kepada Rangkuman Kewangan	25
2.2	Ringkasan Isu Rangkuman Kewangan	41
3.1	Item Dalam Soal Selidik	55
3.2	Analisis Kebolehpercayaan Dalam Kajian Rintis	59
3.3	Item Di dalam Soal Selidik Selepas Kajian Rintis	59
3.4	Jadual Skala Interpretasi Min	61
3.5	Nilai Korelasi dan Kekuatan Hubungan	63
4.1	Kekerapan Bilangan dan Peratus Responden Mengikut Jantina	66
4.2	Kekerapan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Umur	67
4.3	Kekerapan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Tahap Pendidikan Tertinggi	68
4.4	Kekerapan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Status Pekerjaan Sebelum	68
4.5	Kekerapan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Jenis Perniagaan	69
4.6	Kekerapan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Jumlah Pekerja	70
4.7	Kekerapan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Sumber Modal	71
4.8	Kekerapan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Tempoh Perniagaan Dijalankan	72



4.9	Kekerapan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Item Akses	73
4.10	Min dan Sisihan Piawai Item Tahap Penggunaan Akaun Simpanan	75
4.11	Min dan Sisihan Piawai Item Tahap Penggunaan Kemudahan Kredit	76
4.12	Purata dan Sisihan Piawai Item Halangan Rangkuman Kewangan Terhadap Prestasi Perniagaan Mikro	77
4.13	Nilai Statistik Diskriptif Pembolehubah yang Disenaraikan	84
4.14	Ujian Korelasi antara Penggunaan Akaun Simpanan terhadap Prestasi Perniagaan Mikro	86
4.15	Ujian Korelasi antara Penggunaan Kemudahan Kredit terhadap Prestasi Perniagaan Mikro	87
4.16	Nilai R^2 untuk Persamaan Regresi (Pulangan Jualan)	88
4.17	Jadual ANOVA dan Ujian F untuk menguji model secara keseluruhan	89
4.18	Pengaruh Dimensi Rangkuman Kewangan Dengan Pulangan Jualan	89
4.19	Nilai R^2 untuk Persamaan Regresi (Pulangan Modal)	91
4.20	Jadual ANOVA dan Ujian F untuk Menguji Model Secara Keseluruhan	91
4.21	Pengaruh Dimensi Rangkuman Kewangan Dengan Pulangan Modal	92
4.22	Rumusan Pengujian Hipotesis	94

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Bancian Pertubuhan Peniagaan di Malaysia	7
1.2	Kerangka Kerja Kajian	11
2.1	Model RBV	42
2.2	Rangka Kerja VRIO	43
3.1	Carta Alir Proses Kajian	50
4.1	Taburan Normal Q-Q Plot untuk Data Pulangan Jualan	78
4.2	Taburan Normal Q-Q Plot untuk Data Pulangan Modal	79
4.3	Taburan Normal Q-Q Plot untuk Data Akses Kemudahan	80
4.4	Taburan Normal Q-Q Plot untuk Data Akaun Simpanan	81
4.5	Taburan Normal Q-Q Plot untuk Data Kemudahan Kredit	82
4.6	Taburan Normal Q-Q Plot untuk Data Halangan Kewangan	83



SENARAI SINGKATAN

BNM	Bank Negara Malaysia
RMK-11	Rancangan Malaysia Kesebelas
PKS	Perusahaan Kecil dan Sederhana
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
MECD	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
MEDEC	Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia
SMIDEC	Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana
YPU	Yayasan Pembangunan Usahawan
TEKUN	Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga
AIM	Amanah Ikhtiar Malaysia
ROA	Pulangan Atas Aset
AFI	<i>Alliance for Financial Inclusion</i>
SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
FIWDG	<i>Financial Inclusion Data Working Group</i>
OIC	Pertubuhan Kerjasama Islam
ATM	Mesin Juruwang Automatik
IFC	<i>Irving Fisher Center</i>
GPFI	<i>Global Partnership for Financial Inclusion</i>
RBV	Teori Berasaskan Sumber
SPSS	<i>Statistical Packages For The Social Science</i>





SENARAI LAMPIRAN

- A Keputusan Analisis Ujian Kebolehpercayaan – Bahagian C (i)
- B Keputusan Analisis Ujian Kebolehpercayaan - Bahagian C (ii)
- C Keputusan Analisis Ujian Kebolehpercayaan - Bahagian D
- D Keputusan Analisis Deskriptif
- E Keputusan Analisis Regresi Berganda Dimensi Rangkuman
Kewangan Terhadap Pulangan Jualan
- F Keputusan Analisis Regresi Berganda Dimensi Rangkuman
Kewangan Terhadap Pulangan Modal
- G Borang Soal Selidik





BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan



Rangkuman kewangan dilihat sebagai salah satu alat yang terpenting dalam memacu pertumbuhan ekonomi (Bank Negara Malaysia [BNM], 2016). Melalui rangkuman kewangan seluruh penduduk di Malaysia dapat menerima manfaat daripada perkhidmatan kewangan yang disediakan seperti akses kepada pembiayaan, perkhidmatan kewangan, bantuan penyelesaian kewangan dan maklumat kewangan. Dalam erti kata lain, Kama dan Andigun (2013) menyatakan bahawa akses ini sesuai untuk golongan yang berpendapatan rendah kerana ia menggalakkan pengumpulan modal yang sangat besar, penciptaan kredit dan ledakan pelaburan. Pelan Hala Tuju Program Transformasi Kerajaan (2017) telah menentukan golongan berpendapatan rendah adalah berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PLI), di mana paras pendapatan bulanan bagi memenuhi keperluan asas sebuah isi rumah.





Tambahan pula, golongan yang berpendapatan rendah tidak wajar dipinggirkan kerana jika mereka masih berada pada kedudukan sosioekonomi yang sama (berpendapatan rendah) ianya akan menyebabkan ketidakseimbangan dalam pertumbuhan ekonomi (Rancangan Malaysia Kesebelas [RMK-11], 2015). Justeru itu, langkah-langkah bagi mengurangkan ketidaksamaan pendapatan telah dibincangkan dalam persidangan Agenda Pembangunan bagi tahun 2015 yang dihadiri oleh wakil-wakil Panel Tertinggi Ketua Setiausaha Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang terdiri daripada 90 buah negara termasuk Malaysia. Persidangan tersebut turut membincangkan langkah-langkah bagi menggalakkan lagi rangkuman kewangan digunakan secara meluas (Ayyagari & Beck, 2015).

Oleh itu, rangkuman kewangan bukan sahaja digunakan secara meluas dan memberi manfaat kepada golongan yang berpendapatan rendah, malahan dapat juga diakses secara meluas oleh perniagaan kecil dan sederhana termasuklah perniagaan mikro (PKS). Hal ini kerana perniagaan mikro dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara. Kerajaan bersama BNM telah mengambil beberapa langkah bagi memastikan perniagaan mikro mendapat manfaat rangkuman kewangan (BNM, 2016). Pelbagai usaha telah dilakukan bagi memastikan perniagaan mikro mendapat akses terhadap perkhidmatan kewangan supaya pertumbuhan ekonomi menjadi mampan dan saksama. Oleh yang demikian, BNM telah memperkenalkan Rangka Kerja Rangkuman Kewangan. Rangka Kerja Rangkuman Kewangan merupakan pelan komprehensif yang menentukan strategi dalam mengekalkan rangkuman kewangan sepanjang dekad dan seterusnya (BNM, 2015).

Di samping itu juga, rangkuman kewangan telah dimasukkan dalam enakmen Akta Bank Negara Malaysia 2009 (bank, dengan kelulusan menteri atas syor lembaga, boleh mengadakan dana untuk menyediakan pembiayaan melalui institusi-institusi





kewangan atas apa-apa terma dan syarat yang difikirkan perlu oleh bank) kerana ianya menjadi matlamat utama bank pusat (Zeti, 2010). Enakmen tersebut adalah bertujuan untuk memastikan kerajaan pada masa hadapan akan terus memberi tumpuan terhadap rangkuman kewangan (Bank Negara Malaysia [BNM], 2010). Bank pusat juga telah mewujudkan undang-undang kepada institusi-institusi perbankan bagi membenarkan agensi-agensi yang terlibat menyediakan perkhidmatan kewangan kepada perniagaan mikro untuk meningkatkan prestasi perniagaan dan berdaya saing.

Selain itu juga, produk dan perkhidmatan perbankan asas serta pembiayaan mikro oleh insititusi kewangan kepada perniagaan mikro disediakan pada kos yang berpatutan. Pelbagai saluran penyampaian telah diperkenalkan untuk memastikan akses yang meluas kepada perkhidmatan kewangan. Salah satunya adalah dengan menubuhkan pusat perkhidmatan sehenti yang memberi khidmat nasihat mengenai hal-hal kewangan kepada orang ramai. Selain itu juga, BNM telah menyediakan sokongan infrastruktur seperti biro kredit bagi memudahkan operasi kewangan dalam memberikan pinjaman (Bank Negara Malaysia [BNM], 2015). BNM turut menggalakkan penggunaan teknologi bagi meningkatkan lagi penyampaian perkhidmatan kewangan.

Pelbagai usaha telah dilakukan oleh kerajaan bagi memastikan semua golongan mendapat akses dalam perkhidmatan kewangan termasuk juga insentif pembiayaan berterusan kepada perniagaan mikro. Tambahan pula, dalam usaha meningkatkan prestasi perniagaan mikro, BNM telah mewujudkan institusi-institusi yang khusus untuk memantau pembangunan perniagaan mikro, mengukuhkan agensi-agensi yang menyediakan perkhidmatan kewangan, serta mewujudkan dana dan skim pembiayaan khas (BNM, 2016).





1.2 Latar Belakang Kajian

Rangkuman kewangan membantu dalam memberikan kemudahan akses dan penggunaan perkhidmatan kewangan oleh isi rumah dan firma, khususnya perniagaan mikro (Bhaskar, 2013). Tambahan pula, rangkuman kewangan penting kepada perniagaan mikro dalam jangka masa panjang kerana ia dapat membantu pertumbuhan ekonomi dan mengurangkan kemiskinan (Burgess & Pande, 2005). Oleh itu, perniagaan mikro akan mendapat manfaat rangkuman kewangan seperti pembiayaan kewangan, bantuan penyelesaian kewangan dan maklumat kewangan. Secara tidak langsung juga dapat membantu dalam mengurangkan ketidaksamaan pendapatan dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi.

Pelbagai pendekatan telah dirangka dalam merapatkan jurang pendapatan dalam pertumbuhan ekonomi. Salah satu daripadanya iaitu dengan membantu isi rumah berpendapatan rendah yang terlibat dalam perniagaan mikro supaya lebih berdaya tahan untuk menghadapi kejutan ekonomi pada masa hadapan. Hal ini kerana, perniagaan mikro merupakan suatu item yang terpenting dan perlu dititikberatkan dalam merangka polisi-polisi pembangunan ekonomi di pelbagai negara khususnya di Malaysia (Azizi & Syed Mazlan, 2011). Melalui pembentangan bajet 2016, Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia telah menekankan bahawa perniagaan mikro memainkan peranan penting dalam membangunkan rantaian nilai perniagaan dan ianya dijangka menyumbang kepada 41% keluaran dalam negara kasar (KDNK) menjelang 2020 (Kementerian Kewangan Malaysia, 2016).





Tambahan pula, kajian daripada Rosli, Abdullah dan Shuhymee (2014) menunjukkan bahawa peranan perniagaan mikro dapat membantu meningkatkan KDNK Malaysia daripada 28.1% pada tahun 2003 kepada 31.9% pada tahun 2010 dan 32% pada tahun 2012. Oleh itu, usaha berterusan giat dijalankan bagi mendorong usahawan untuk menceburi bidang perniagaan. Namun begitu, kebanyakan usahawan-usahawan PKS banyak berdepan dengan masalah kewangan (Mori, Kasim, Dullah Mulok, & Wilson, 2009; Ermi dan Lim, 2001; Mohd Nor, 2003). Justeru itu, melalui kemampuan kewangan, telah terbukti menjadi sebagai salah satu faktor penentu kejayaan dan kelestarian sesebuah perniagaan (Basu dan Parker, 2001). Kemampuan ini meliputi keupayaan dalam mendapatkan perbelanjaan mengurus dan mengawal sumber kewangan dengan berkesan (Johan & Shepherd, 2003).

Oleh yang demikian, agensi-agensi kerajaan seperti Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD), Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia (MEDEC), Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), Yayasan Pembangunan Usahawan (YPU) dan lain-lain lagi telah ditubuhkan untuk membantu meningkatkan prestasi perniagaan mikro (RMK-11, 2015). Manakala, Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga Nasional (TEKUN) dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) juga ditubuhkan bagi membantu perniagaan mikro yang menghadapi masalah kewangan untuk mendapatkan modal bagi meningkatkan prestasi perniagaan. Melalui program AIM, dalam jangka masa empat tahun, jumlah usahawan yang memperoleh pendapatan lebih daripada RM3 500 sebulan telah meningkat sebanyak 100 680 usahawan pada tahun 2014 berbanding sebelumnya hanya 27 770 usahawan (RMK-11, 2015).






Manakala melalui program TEKUN Nasional, sebanyak 32.7% usahawan yang menerima pinjaman telah berjaya meningkatkan pendapatan antara 50% hingga 150% pada tahun 2013. Tambahan pula, sebanyak 760 buah PKS telah menerima bantuan kewangan berjumlah RM495 200 000 bagi membantu meningkatkan prestasi dan pertumbuhan perniagaan mereka. Selain itu, terdapat lebih daripada 36 buah agensi yang dikendalikan oleh pelbagai kementerian dan agensi kerajaan yang berkaitan telah dipertanggungjawabkan untuk membantu usahawan mikro dalam meningkatkan prestasi perniagaan mereka seperti memberi bantuan dana ataupun khidmat nasihat (Abdullah Husmin et al., 2016). Oleh itu, usaha-usaha ini telah memberi galakan dan dorongan kepada usahawan mikro bagi mendapatkan bantuan kewangan melalui saluran yang betul dalam memulakan perniagaan atau meningkatkan prestasi perniagaan mereka.



Malaysia (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2017) yang menunjukkan bahawa terdapat sebanyak 907 065 buah PKS (98.5%) di Malaysia, manakala baki sebanyak 1.5% merupakan pertubuhan perniagaan besar. Jumlah daripada keseluruhan PKS di Malaysia, masing-masing terdiri daripada 76.5% perniagaan mikro, 21.2% merupakan perniagaan kecil dan 2.3% perniagaan sederhana. Oleh itu, kajian ini hanya tertumpu kepada perniagaan mikro kerana ianya mewakili pertubuhan perniagaan yang terbesar di Malaysia.





Rajah 1.1. Bancian Pertubuhan Perniagaan di Malaysia. Diadaptasi dari Jabatan Perangkaan Malaysia, 2017

Kajian daripada Ermi dan Lim (2001) menyatakan sumber kewangan merupakan antara kekangan utama dihadapi oleh perniagaan mikro dalam meningkatkan prestasi perniagaan mereka. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan perniagaan mikro sukar mendapatkan sumber kewangan sebagai suntikan modal untuk perniagaan mereka. Antaranya adalah disebabkan oleh tiada cagaran atau penjamin yang sesuai (Mori, Kasim, Dullah Mulok, & Wilson, 2009) dan kadar faedah yang dikenakan untuk pembayaran balik pinjaman tidak sesuai dengan kedudukan kewangan mereka. Selain itu juga, tiada pendedahan yang tepat berkaitan dengan cara untuk mendapatkan kemudahan pinjaman (Mohd Nor, 2003) juga merupakan faktor usahawan mikro sukar untuk mendapatkan sumber kewangan.



Hal ini menyebabkan perniagaan mikro hanya bergantung kepada pendapatan yang terhad dalam meningkatkan prestasi perniagaan. Kesan daripada halangan tersebut, menyebabkan proses peningkatan prestasi perniagaan mengambil jangka masa yang lama (Mohd Rosli, 2000). Justeru itu, apabila halangan-halangan dalam mendapatkan manfaat rangkuman kewangan dapat diatasi, prestasi perniagaan mikro akan dapat dipertingkatkan dan menjadi lebih efisien (Hasnah, Norhafizah, & Sanep, 2010; Md Mohar et al., 2010). Hasil kajian daripada Collins, Murdoch, Rutherford, dan Ruthven (2009) telah membuktikan bahawa tanpa adanya halangan dari segi kos pembiayaan ataupun prosedur yang merumitkan dalam menggunakan kemudahan kewangan, rangkuman kewangan pasti akan memberi banyak manfaat kepada perniagaan mikro (Sulaiman & Mohd Saukan, 2007).

Walau bagaimanapun, kajian daripada Mohd Nor Hidayah, (2011) menunjukkan sumber kewangan dilihat memberi impak yang positif dalam menyediakan kemudahan kewangan kepada perniagaan mikro. Akses kemudahan kewangan dapat memupuk perniagaan mikro meningkatkan prestasi dan mendapatkan keuntungan yang tinggi. Sebaliknya, akses yang terhad tidak dapat membantu perniagaan mikro berkembang pesat (Ayyagari, Beck & Demircug-Kunt, 2007). Di samping itu juga, kajian daripada Patel dan Chavde (2013) menunjukkan bahawa majoriti usahawan mikro luar bandar kurang mendapat akses kepada perkhidmatan kewangan kerana mereka kurang mengambil tahu tentang kemudahan yang disediakan oleh perbankan formal.

Selain itu, kajian daripada Lussier (2016) mendapati, usahawan mikro tidak mengambil tahu tentang kepentingan amalan pengurusan kewangan seperti penggunaan akaun simpanan sebagai satu cabang ilmu yang penting dalam meningkatkan prestasi perniagaan. (Lussier, 2016). Justeru itu, dalam memastikan





pretasi perniagaan mikro terus berkembang maju dan berdaya saing, pelbagai usaha telah dilaksanakan dan dalam beberapa tahun ini terdapat pelbagai perubahan telah dilaksanakan oleh pihak yang bertanggungjawab (Ishak, Khairunnisa, Zaimah, & Mohd Shukri, 2011).

Namun, dapatan kajian daripada Idris dan Rahmah (2006); serta Norasmah (2002) menunjukkan bahawa peningkatan pendapatan usahawan mikro masih belum memuaskan kerana ia masih agak ketinggalan terutamanya di kawasan negeri Terengganu walaupun pelbagai insentif dan bantuan telah diberikan (Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu, 2017). Justeru itu, Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu (YPU) telah ditubuhkan bagi menggerakkan pembangunan usahawan di negeri Terengganu. Melalui peranan dan fungsi YPU sebagai *one stop center* dalam keusahawanan negeri Terengganu, pelbagai projek atau program telah dilaksanakan agar para usahawan mikro terus dimantapkan dan diperkasakan dari segi peningkatan prestasi perniagaan mereka (Unit Perancangan Ekonomi Negeri Terengganu, 2019). Berdasarkan rekod YPU (2017), terdapat sebanyak 132 PKS di Kuala Terengganu yang mengusahakan pelbagai jenis perniagaan, seperti makanan, kraf tangan, songket dan batik. Persoalannya, adakah manfaat rangkuman kewangan dapat memberi sumbangan dalam meningkatkan prestasi perniagaan mikro di Terengganu?

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti manfaat rangkuman kewangan (akses, penggunaan akaun simpanan dan penggunaan kemudahan kredit) terhadap prestasi perniagaan mikro di Terengganu.





Manakala objektif khusus bagi kajian ini ialah:

- a) Untuk mengenalpasti manfaat kemudahan akses rangkuman kewangan dalam kalangan usahawan mikro di Terengganu.
- b) Untuk mengenalpasti manfaat penggunaan akaun simpanan dan kemudahan kredit terhadap prestasi perniagaan mikro di Terengganu.
- c) Untuk mengenalpasti pengaruh ketiga-tiga dimensi rangkuman kewangan (akses, penggunaan akaun simpanan dan penggunaan kemudahan kredit) terhadap prestasi perniagaan mikro di Terengganu.

1.5 Persoalan Kajian



Persoalan kajian bagi kajian ini, adalah untuk mengenalpasti manfaat rangkuman kewangan (akses, penggunaan akaun simpanan dan penggunaan kemudahan kredit) terhadap prestasi perniagaan mikro di Terengganu.

Manakala persoalan kajian khusus bagi kajian ini ialah:

- a) Adakah terdapat manfaat kemudahan akses rangkuman kewangan dalam kalangan usahawan mikro di Terengganu?
- b) Adakah terdapat manfaat penggunaan akaun simpanan dan kemudahan kredit dengan prestasi perniagaan mikro di Terengganu?
- c) Adakah manfaat rangkuman kewangan (akses, penggunaan akaun simpanan dan penggunaan kemudahan kredit) mempengaruhi prestasi perniagaan mikro di Terengganu.




1.6 Hipotesis Kajian

H₁: Terdapat hubungan di antara penggunaan akaun simpanan dengan prestasi perniagaan mikro di Terengganu

H₂: Terdapat hubungan di antara penggunaan kemudahan kredit dengan prestasi perniagaan mikro di Terengganu

H₃: Terdapat pengaruh di antara rangkuman kewangan (akses, penggunaan akaun simpanan dan penggunaan kemudahan kredit) dengan prestasi perniagaan mikro di Terengganu.

1.7 Kerangka Konseptual



Rajah 1.2. Kerangka Kerja Kajian

Bagi mengukur kejayaan sesebuah perniagaan melalui prestasi kewangan, terdapat beberapa kaedah yang boleh ditentukan. Antaranya adalah seperti pertumbuhan keuntungan, perolehan, pulangan ke atas pelaburan atau bilangan pekerja (Paige & Littrell, 2002; Norhasni, 2005; Zaidatol, 2007; Rosman 2009; Gentry & Shen, 2010).



Oleh hal yang demikian, pengukuran prestasi menggunakan maklumat perakaunan (Zaim Shah, 2009) seperti pulangan atas aset (ROA), pasaran saham, jualan, pendapatan kasar, pulangan jualan dan pusingan modal dilihat memberi kesan yang paling efektif dan memainkan peranan penting dalam pengukuran prestasi sesebuah perniagaan (Schultze & Weiler, 2010).

Namun begitu, terdapat juga faktor-faktor yang membawa kepada kegagalan sesebuah perniagaan. Antaranya adalah disebabkan oleh kekurangan sumber organisasi sama ada yang berbentuk kewangan dan bukan kewangan. Hal ini diperjelaskan oleh Wade dan Hulland (2004) yang menyatakan sumber-sumber organisasi ini merupakan antara faktor yang dapat digunakan untuk membina dan mengekalkan kelebihan daya saing perniagaan. Menyedari kelemahan dan kekurangan dalam pemilikan sumber-sumber organisasi, banyak pengkaji seperti Jauriyah (2015) serta Ibrahim, Ooi, dan Shamsul (2018) telah mencadangkan supaya kerajaan memberikan bantuan kewangan kepada perniagaan. Bantuan yang diberikan dijangka akan dapat mengatasi permasalahan yang dihadapi oleh sesebuah perniagaan.

Tambahan pula, bantuan kewangan yang diberikan kepada perniagaan mikro hendaklah diuruskan secara cekap dan efisien supaya prestasi perniagaan mikro dapat dipertingkatkan. Oleh yang demikian, Teori Pandangan Asas Sumber (*Resource-Based View Theory*) telah digunakan secara meluas oleh para penyelidik untuk memberikan pemahaman tentang pelbagai sumber-sumber organisasi, dan bagaimana keupayaan daripada organisasi untuk mengintegrasikan elemen strategik dan elemen bukan strategik untuk mencapai prestasi perniagaan (Bharadwaj, 2000; Fernandes, Mills & Fleury, 2005; Kang & Park, 2012; Jauriyah, 2015; Rosli 2015). Justeru itu, kaedah yang digunakan bagi mengukur prestasi perniagaan mikro dalam





kajian ini terdiri daripada pulangan modal dan pulangan jualan perniagaan yang secara keseluruhannya diadaptasi daripada kajian Muhamad Asri dan Zaimah (2012).

Pemboleh ubah tidak bersandar dalam kajian ini merupakan dimensi rangkuman kewangan yang terdiri daripada akses kepada perkhidmatan kewangan, penggunaan akaun simpanan dan penggunaan kemudahan kredit. Kebanyakan definisi rangkuman kewangan adalah bertepatan dengan tiga dimensi utama dalam mengukur rangkuman kewangan (Demirguc-Kunt & Klapper, 2013; Allen, Demirguc-Kunt, Klapper, & Peria Martinez, 2012). Tiga dimensi yang utama iaitu akses, penggunaan akaun simpanan dan penggunaan kemudahan kredit. Ketiga-tiga dimensi tersebut juga telah diadaptasi daripada kajian Camara dan Tuesta (2014) di dalam kajiannya yang mengkaji tentang cara mengukur rangkuman kewangan. Dapatan kajian mendapati, ketiga-tiga dimensi ini dilihat lebih bersesuaian untuk dijadikan alat pengukur rangkuman kewangan kerana ianya memberi sumbangan terhadap pertumbuhan dan pembangunan ekonomi khususnya kepada perniagaan mikro.

Tambahan pula, BNM juga telah menetapkan empat dimensi am dalam memantau kemajuan perkhidmatan rangkuman kewangan yang disediakan kepada perniagaan mikro (Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran, 2014). Antaranya adalah berdasarkan `tahap boleh akses yang mudah` di mana ianya mengukur ketersediaan pusat akses kewangan di setiap mukim di negara ini; `kadar pengambilan` yang mengukur akses perniagaan mikro kepada produk dan perkhidmatan kewangan; `penggunaan yang bertanggungjawab` dengan mengukur tahap penggunaan ataupun aktiviti berkaitan produk dan perkhidmatan kewangan yang disediakan; dan `tahap kepuasan` yang mengukur kualiti serta kecekapan produk dan perkhidmatan kewangan yang ditawarkan, berdasarkan kepuasan pengguna. Dimensi halangan juga termasuk di dalam tahap mengukur kepuasan.





Manakala pembolehubah bersandar dalam kajian ini ialah mengukur prestasi perniagaan mikro di negeri Terengganu. Prestasi perniagaan mikro telah diiktiraf sebagai salah satu penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara (Nikina, Shelton & LeLoarne, 2015; Mohamad & Bakar, 2017) dan membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat (Mat Rashid, Che Ngah, Mohamed, & Mansor, 2015). Kebanyakan pengkaji berkaitan dengan keusahawanan bersetuju pada tiga perkara yang menerangkan tentang prestasi perniagaan bagi sesebuah perniagaan iaitu kelangsungan, keuntungan dan pertumbuhan (Shuhymee & Abdullah, 2013).

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengetahui sejauh manakah manfaat rangkuman kewangan dapat membantu prestasi perniagaan mikro di negeri Terengganu. Terdapat pelbagai kepentingan kajian yang dapat dimanfaatkan melalui penghasilan kajian ini. Kajian ini memberi manfaat secara langsung kepada usahawan mikro. Dapatan kajian ini dijangka akan dapat membantu usahawan mikro yang pernah gagal dalam bidang perniagaan untuk lebih fokus dalam merangka strategi yang sesuai bagi mencapai prestasi yang lebih tinggi bersesuaian dengan persekitaran perniagaan. Selain itu, ianya juga dapat memberi panduan atau pencerahan kepada usahawan mikro untuk mendapatkan bantuan dan khidmat nasihat daripada agensi-agensi yang terlibat dengan menggunakan saluran yang tepat.

Selain itu, kajian ini memberi manfaat kepada agensi kerajaan dan swasta dengan memperkenalkan pembolehubah penting untuk membangunkan usahawan dalam usaha membangunkan usahawan-usahawan di Malaysia khususnya di negeri Terengganu. Tambahan pula, pihak yang terlibat juga dapat menyusun strategi dan





dasar baru untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan mereka bagi memastikan berlakunya peningkatan dalam bilangan usahawan kecil yang menjadi pemangkin kepada ekonomi di Malaysia. Seterusnya kajian ini juga memberi manfaat kepada masyarakat dalam memupuk minat terhadap bidang perniagaan bagi membantu menaikkan taraf hidup mereka, khususnya bagi golongan yang berpendapatan rendah. Ianya juga dapat memberi idea kepada masyarakat yang ingin menceburi bidang perniagaan untuk merangka strategi yang baik dan jitu.

1.9 Definisi Operasi

1.9.1 Rangkuman Kewangan

Rangkuman kewangan merujuk kepada penawaran produk dan perkhidmatan kewangan melalui institusi perbankan kepada golongan yang tiada atau kurang mendapat perkhidmatan kewangan (golongan yang terkecuali) khususnya isi rumah dan firma-firma kecil (Sahay et al., 2015). Perkhidmatan kewangan perlu disediakan semaksimum mungkin dengan pelbagai kegunaan seperti menyediakan akaun untuk menerima pendapatan atau pemindahan wang, akaun simpanan untuk menyimpan wang dengan selamat dan berhemah, sumber kredit bagi pinjaman peribadi atau perniagaan, dan produk insurans sebagai persediaan apabila berlaku musibah. Menurut Bank Dunia (2014), rangkuman kewangan terdiri daripada akses dan penggunaan perkhidmatan yang disediakan secara bertanggungjawab dan berterusan bagi menyediakan perkhidmatan kewangan pada kos yang berpatutan untuk semua lapisan masyarakat yang kurang bernasib baik dan berpendapatan rendah.





Alliance for Financial Inclusion (AFI, 2012) juga turut menerangkan konsep yang berkaitan dengan rangkuman kewangan, iaitu akses (menjadikan perkhidmatan kewangan yang ada dan berpatutan kepada pengguna), penggunaan (membuat pelanggan menggunakan perkhidmatan kewangan secara berterusan) dan kualiti (menjadikan perkhidmatan kewangan disesuaikan dengan keperluan pelanggan). Kualiti yang dimaksudkan adalah berkaitan dengan pengalaman dan pendapat pengguna berkenaan dengan perkhidmatan kewangan yang disediakan untuk mereka. Justeru itu, halangan yang terdapat dalam mendapatkan perkhidmatan merupakan salah satu item yang digunakan bagi mengukur kualiti. Namun begitu, masih belum ada definisi yang standard mengenai rangkuman kewangan (Bank Negara Malaysia [BNM], 2012).

Secara ringkasnya, definisi rangkuman kewangan dalam kajian ini meliputi produk dan perkhidmatan yang disediakan kepada perniagaan yang tiada atau kurang mendapat perkhidmatan kewangan. Perniagaan yang tiada atau kurang mendapat perkhidmatan kewangan juga turut dikenali sebagai golongan yang terkecuali dari mendapatkan manfaat rangkuman kewangan (*financial exclusion*).

1.9.2 Akses Terhadap Perkhidmatan Kewangan

Akses menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2013) bermaksud proses atau cara untuk mencapai (memperoleh atau menggunakan) sesuatu data, maklumat dan lain-lain. Berdasarkan kajian ini, akses merupakan satu langkah untuk mendapatkan perkhidmatan kewangan formal (perkhidmatan kewangan yang ditawarkan oleh institusi perbankan) oleh usahawan yang ingin menggunakannya. Dalam erti kata lain, keupayaan untuk menggunakan perkhidmatan kewangan formal dengan





meminimumkan halangan untuk membuka akaun seperti jarak, kos, minimum deposit dan lain-lain.

1.9.3 Penggunaan Perkhidmatan Kewangan

Penggunaan perkhidmatan kewangan dalam kajian ini dilihat dari segi kekerapan dan tempoh masa yang akan digunakan terhadap perkhidmatan kewangan yang ditawarkan (AFI, 2011). Bagi menilai sejauh mana penggunaan perkhidmatan kewangan oleh usahawan mikro, kajian ini mengambil kira penggunaan perkhidmatan ini kepada dua penunjuk yang berbeza. Yang pertama merupakan usahawan mikro yang mempunyai akaun simpanan di institusi perbankan serta kekerapan penggunaannya dalam urusan perniagaan. Manakala yang kedua ialah, usahawan mikro yang mempunyai pinjaman (sumber kredit) di sesebuah agensi kerajaan atau bukan kerajaan yang berkaitan.

1.9.4 Halangan Dalam Mendapatkan Perkhidmatan Kewangan

Kajian ini menekankan kepada halangan-halangan yang menyebabkan perniagaan mikro tidak dapat menggunakan perkhidmatan kewangan yang ditawarkan oleh institusi perbankan. Maklumat ini berguna untuk menilai persepsi sesetengah perniagaan mikro yang terkecuali daripada sistem kewangan formal. Terdapat dua sebab kenapa ianya dikelaskan sebagai golongan yang terkecuali (*financial exclusion*) iaitu sukarela atau bukan secara sukarela. Beberapa kemungkinan yang menyebabkan perniagaan mikro tidak mempunyai permintaan dalam perkhidmatan





kewangan formal adalah disebabkan oleh faktor budaya, kekurangan wang atau mereka tidak diberi pendedahan akan faedah-faedah yang diperolehi.

1.9.5 Prestasi Perniagaan Mikro

Prestasi perniagaan mikro dilihat secara objektif dan subjektif (Zaidatol Akmaliah, 2007). Ukuran prestasi secara objektif adalah berkaitan dengan kewangan seperti pertumbuhan dari segi peningkatan dalam bilangan pekerja, peningkatan dalam keuntungan dan peningkatan dalam modal yang disumbangkan. Manakala ukuran prestasi secara subjektif pula berkaitan dengan isu-isu peribadi seperti kepuasan peribadi dan pencapaian, berbangga dengan pekerjaan, dan gaya hidup yang fleksibel.



mengukur kemajuan perniagaan. Oleh itu, kriteria kewangan yang biasa diguna pakai oleh pengkaji-pengkaji dalam mengukur kemajuan perniagaan adalah seperti pertumbuhan keuntungan, perolehan, pulangan ke atas pelaburan atau bilangan pekerja (Paige dan Littrell, 2002; Nor Hasni, 2005; Zaidatol Akmaliah, 2007; Rosman, 2009). Justeru itu, kajian ini menggunakan kriteria kewangan seperti peningkatan modal dan peningkatan jualan perniagaan sebagai alat ukuran prestasi perniagaan mikro.





1.9.6 Manfaat Rangkuman Kewangan

Manfaat rangkuman kewangan dalam kajian ini bermaksud perniagaan mikro mendapat kemudahan akses dan penggunaan perkhidmatan kewangan yang ditawarkan dalam meningkatkan prestasi perniagaan tanpa wujudnya sebarang halangan. Halangan dalam mendapatkan manfaat rangkuman kewangan adalah seperti prosedur yang merumitkan dalam mendapatkan akses perkhidmatan kewangan dan cagaran yang tinggi diperlukan dalam mendapatkan kemudahan kredit. Dalam erti kata lain, perkhidmatan kewangan yang ditawarkan kepada perniagaan mikro bukan sahaja berbentuk pembiayaan kewangan malah turut meliputi khidmat nasihat, latihan dan bimbingan yang bersesuaian kepada pemilik perniagaan mikro. Hal ini bagi memastikan pemilik perniagaan mikro mendapat manfaat daripada perkhidmatan kewangan yang ditawarkan.



1.9.7 Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)

Perubahan dalam ekonomi seperti inflasi harga, perubahan struktur ekonomi dan perubahan trend perniagaan sejak tahun 2005, menyebabkan definisi PKS dikaji semula pada tahun 2013 (SME Corporation Malaysia, 2013). Justeru itu, definisi baharu PKS yang terbaru telah merangkumi semua sektor iaitu perkhidmatan, pembuatan, pertanian, pembinaan, dan perlombongan dan pengkuarian. Bagi sektor pembuatan, PKS ditakrifkan sebagai firma yang mempunyai jualan tahunan tidak melebihi RM50 juta atau bilangan pekerja sepenuh masa tidak melebihi 200 orang. Manakala bagi sektor perkhidmatan dan sektor lain, PKS ditakrifkan sebagai firma yang mempunyai jualan tahunan tidak melebihi RM20 juta atau bilangan pekerja sepenuh masa tidak melebihi 75 orang. Walau bagaimanapun, PKS mempunyai



beberapa kategori iaitu mikro, kecil dan sederhana, di mana masing-masing mempunyai definisi yang terperinci seperti yang dijadualkan dalam Jadual 1.1.

Jadual 1.1

Definisi PKS Berdasarkan Saiz Operasi

Kategori	Mikro	Kecil	Sederhana
Pembuatan	Jualan tahunan kurang daripada RM300 000 ATAU kurang daripada lima pekerja	Jualan tahunan daripada RM300 000 hingga kurang daripada RM15 juta ATAU daripada lima hingga kurang daripada 75 pekerja	Jualan tahunan daripada RM15 juta hingga tidak melebihi RM50 juta ATAU daripada 75 hingga tidak melebihi 200 pekerja
Perkhidmatan dan Sektor Lain	Jualan tahunan kurang daripada RM300 000 ATAU kurang daripada lima pekerja	Jualan tahunan daripada RM300 000 hingga kurang daripada RM3 juta ATAU daripada lima hingga kurang daripada 30 pekerja	Jualan tahunan daripada RM3 juta hingga tidak melebihi RM20 juta ATAU daripada 30 hingga tidak melebihi 75 pekerja

Sumber: *SME Corporation Malaysia* (2013)

Jika sesebuah perniagaan memenuhi salah satu kriteria merentasi saiz operasi yang berbeza, maka saiz yang lebih kecil akan diguna pakai (Suhaila, Suhaily, & Muhammad Firdaus, 2014). Kajian ini hanya tertumpu kepada perniagaan mikro sahaja dan hendaklah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau badan-badan yang sama taraf dengannya seperti mana yang tertakluk di bawah definisi baharu PKS.



1.10 Batasan Kajian

Perbincangan dalam kajian ini hanya terhad kepada pembolehubah yang dikaji sahaja. Pembolehubah yang dikaji ialah manfaat rangkuman kewangan terhadap prestasi perniagaan mikro di negeri Terengganu sahaja. Ini menggambarkan kajian ini terhad kepada daerah Kuala Terengganu sahaja dan tidak meliputi usahawan-usahawan mikro di setiap daerah di negeri Terengganu. Justeru itu, keputusan yang sama mungkin tidak diperolehi oleh usahawan kecil dan usahawan sederhana kerana ianya hanya meliputi usahawan mikro sahaja. Keadaan ini akan menghadkan generalisasi dapatan kajian yang akan diperolehi.

Kaedah pengumpulan data melalui pengedaran soal selidik membuatkan ketepatan dan kesahihan jawapan bergantung kepada jawapan responden.

Tambahan pula, pengkaji juga menghadapi masalah dalam usaha untuk mengumpul kembali borang soal selidik yang diedarkan dan menyebabkan kaedah ini terhad kepada borang soal selidik yang dikembalikan serta mempunyai jawapan yang lengkap. Selain itu, disebabkan prestasi perniagaan mikro diukur menggunakan pulangan modal dan pulangan jualan, soalan dalam borang soal selidik digunakan dalam bentuk julat. Hal ini kerana, sukar bagi usahawan mikro untuk mendedahkan ketepatan pulangan modal dan pulangan jualan yang diperolehi setiap tahun, ditambah pula dengan cara penyediaan akaun untuk perniagaan jenis ini adalah tidak mengikut laporan kewangan yang terperinci.





1.11 Kesimpulan

Kesimpulannya, produk dan perkhidmatan kewangan yang ditawarkan merupakan sebahagian daripada aspek rangkuman kewangan yang hangat dibincangkan ketika ini (Zeti, 2010). Justeru itu, bab ini membincangkan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian dan objektif kajian yang mengkaji manfaat rangkuman kewangan terhadap prestasi perniagaan mikro di negeri Terengganu. Di samping itu, bab ini turut membincangkan tentang kepentingan kajian, skop kajian, definisi pembolehubah-pembolehubah kajian dan juga batasan kajian. Dapatan kajian ini akan memberi maklumat yang berguna kepada agensi-agensi kerajaan yang terlibat dalam memastikan rangkuman kewangan tercapai sepenuhnya dan memberi impak yang positif dalam membangunkan perniagaan mikro di Terengganu.

